



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN KEDUA
RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH**

PENYEDIAAN PELAN PELABURAN SEKTOR AWAM, 2011-2012

Tujuan

Garis Panduan ini bertujuan:

- i. memaklumkan prospek ekonomi makro serta saiz pelaburan sektor awam bagi tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10);
- ii. menjelaskan kaedah perancangan dan pelaksanaan RMKe-10 serta penyediaan Pelan Pelaburan Sektor Awam untuk tempoh 2011-2012; dan
- iii. memberi panduan kepada kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun dalam menyediakan cadangan program dan projek yang akan menyumbang kepada pencapaian *outcome* bidang keberhasilan utama (KRA) RMKe-10 untuk dilaksana dalam tempoh 2011-2012.

Latar Belakang

2. Garis Panduan Pertama penyediaan RMKe-10 telah diedarkan kepada semua kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun pada 10 September 2009. Garis Panduan ini, antara lain, memaklumkan rangka kerja ekonomi makro dan hala tuju strategik bagi tempoh RMKe-10 ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Selaras dengan perancangan berasaskan *outcome*, Garis Panduan ini menghuraikan rangka kerja bersepadu yang mengandungi KRA dengan *outcome* dan strateginya berlandaskan lima teras Misi Nasional.

3. Berdasarkan rangka kerja tersebut, kementerian diminta menyediakan KRA, *outcome* dan strategi masing-masing bagi menyokong pencapaian setiap KRA RMKe-10. Bagi tujuan ini, lima *Mission Cluster Groups* (MCG) berdasarkan teras Misi Nasional telah ditubuhkan dan dianggotai oleh kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun, sektor swasta dan badan

bukan kerajaan untuk mendapatkan input dan pandangan semua pihak yang berkepentingan. Bidang tugas MCG, antara lain, meliputi penilaian semula kemajuan dan prestasi RMKe-9, memuktamadkan KRA, *outcome*, strategi dan petunjuk prestasi utama (KPI) serta mengenal pasti program di peringkat nasional untuk RMKe-10.

4. Berpandukan kepada KRA, *outcome* dan strategi yang disediakan dan Garis Panduan Kedua ini, kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun diminta mengenal pasti dan mengemukakan cadangan program dan projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian KRA, *outcome* dan strategi RMKe-10 untuk dilaksana dalam tempoh 2011-2012. Garis Panduan Kedua ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Pertama RMKe-10.

Prospek Ekonomi Makro, 2011-2012

5. Dalam tempoh 2011-2012, usaha akan ditumpu untuk meletakkan ekonomi di atas landasan pertumbuhan potensi sebenar ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Pertumbuhan ini akan disokong oleh suasana inflasi yang rendah dan paras harga yang stabil serta kadar pengangguran yang rendah dan lebih akaun semasa imbangan pembayaran yang kukuh. Sehubungan ini, ekonomi Malaysia disasar berkembang sebanyak 5.2% setahun dalam tempoh 2011-2012, seperti di **Jadual 1**. Pertumbuhan tersebut perlu dijana oleh perkembangan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh terutamanya pelaburan swasta yang perlu dipertingkatkan dengan ketara sebanyak 12.1% setahun. Sektor berorientasikan eksport pula hendaklah dirangsang untuk mengambil peluang daripada senario ekonomi dunia yang lebih baik supaya eksport dapat meningkat sebanyak 5.6% setahun dalam tempoh 2011-2012. Dari sudut sektoral, kadar pertumbuhan sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian perlu dipertingkatkan terutamanya dalam bidang pertumbuhan baru yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Di samping itu, sebanyak 538.9 ribu peluang pekerjaan dijangka diwujudkan dan kadar pengangguran berkurangan kepada 3.5% pada tahun 2012.

6. Dasar pengurusan fiskal berhemat akan diberi lebih penekanan untuk memastikan tahap defisit akaun Kerajaan Persekutuan lebih rendah pada akhir tempoh RMKe-10. Langkah ini adalah amat penting bagi mengelak kedudukan kewangan Kerajaan yang lemah dan tidak terkawal, membantu menambah baik penarafan kredit negara dalam usaha meningkatkan kedudukan daya saing negara serta meningkatkan keyakinan pelabur. Sehubungan ini, penentuan perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus akan diperketat, namun Kerajaan akan memastikan pelaburan yang berkualiti dapat menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Jadual 1
Petunjuk Ekonomi Utama, 2011-2012

	RM bilion		% kepada KDNK		% pertumbuhan pada harga malar
	2010	2012	2010	2012	2011-2012
Sudut Penawaran, harga malar 2000					
Pertanian	39.8	42.0	7.6	7.2	2.8
Perlombongan dan Kuari	41.8	42.7	8.0	7.3	1.1
Pembuatan	137.5	150.0	26.2	25.8	4.4
Pembinaan	16.7	18.0	3.2	3.1	3.8
Perkhidmatan	307.3	347.4	58.5	59.8	6.3
KDNK Sebenar	525.4	581.0	100.0	100.0	5.2
Sudut Permintaan, harga semasa					% pertumbuhan pada harga semasa
Penggunaan	452.6	535.1	62.5	63.1	6.0
Swasta	359.7	435.2	49.7	51.3	6.9
Awam	92.8	99.9	12.8	11.8	2.2
Pelaburan	151.7	178.6	20.9	21.1	5.5
Swasta	69.8	93.1	9.6	11.0	12.1
Awam	81.9	85.5	11.3	10.1	0.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	650.0	764.9	89.7	90.2	5.6
Import Barangan dan Perkhidmatan	530.3	633.3	73.2	74.7	6.5
KNK Per Kapita¹					
RM	24,661	28,270	-	-	-
AS\$	7,052	8,084	-	-	-
Imbangan Pembayaran²					
Akaun semasa	91.0	97.0	12.8	11.7	-
Akaun Kerajaan Persekutuan¹					
Defisit Keseluruhan	-40.5	-32.4	-5.6	-3.8	-

Nota: ¹ Pada akhir tempoh

² % kepada KNK pada akhir tempoh

Perancangan dan Pelaksanaan RMKe-10

7. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 17 Jun 2009 telah bersetuju supaya perancangan dan pelaksanaan program dan projek serta penyediaan siling di bawah RMKe-10 dibuat secara *rolling* setiap dua tahun. Melalui kaedah ini, kementerian boleh mengemukakan permohonan program dan projek sepanjang tempoh Rancangan. Melalui kaedah *rolling plan* ini juga, Kerajaan mempunyai ruang untuk mengambil kira keutamaan baru dan mengelak berlakunya *over commitment* memandangkan siling peruntukan disedia berdasarkan keupayaan semasa kewangan Kerajaan.

8. Dalam melaksanakan kaedah *rolling plan*, program dan projek yang akan dilaksanakan untuk tempoh dua tahun akan didokumenkan sebagai Pelan Pelaburan Sektor Awam. Pelan ini, antara lain, mengandungi:

- i. sasaran *outcome* yang ditetapkan bagi setiap KRA RMKe-10;
- ii. KPI bagi mengukur pencapaian *outcome*; dan
- iii. program dan projek serta siling peruntukan yang diluluskan.


9. Bagi tujuan penyediaan Pelan Pelaburan Sektor Awam, 2011-2012, MCG telah mengenal pasti program nasional RMKe-10 untuk memastikan tindakan secara bersepadu diambil bagi mencapai *outcome* KRA RMKe-10. Sebanyak 31 program nasional telah dimuktamadkan.

10. Bagi setiap program nasional RMKe-10 yang dikenal pasti, projek yang dibiayai di bawah peruntukan perbelanjaan pembangunan dan aktiviti yang dibiayai di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus akan dipertimbang bersekali bagi menentukan kos keseluruhan program tersebut. Ini bermakna, kementerian hendaklah mengemukakan cadangan projek dan aktiviti di bawah kedua-dua sumber pembiayaan ini, termasuk keperluan sumber manusia dan kos-kos lain yang berkaitan untuk membolehkan projek berkenaan berfungsi sepenuhnya. Senarai 31 program nasional RMKe-10, 25 KRA, serta *outcome* dan strategi RMKe-10 yang telah dikemas kini adalah seperti di **Lampiran 1**.

11. Berdasarkan kepada program nasional RMKe-10 yang relevan dengan fungsinya, kementerian perlu mengenal pasti program masing-masing yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* KRA kementerian dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian *outcome* KRA RMKe-10. Program di peringkat kementerian boleh berbentuk jangka masa pendek atau jangka masa sederhana yang mengandungi satu atau lebih projek dan aktiviti di bawah setiap program.

12. Hubungkait antara teras Misi Nasional, KRA, *outcome*, program dan projek yang dinyatakan di atas adalah seperti di **Rajah 1**. Sebagai contoh, di bawah teras ketiga Misi Nasional, salah satu KRA yang dirangka ialah “Pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan bagi isi rumah berpendapatan 30% terendah”. *Outcome* yang disasarkan bagi KRA ini ialah “Bahagian pendapatan bagi isi rumah berpendapatan 30% terendah meningkat”. Bagi mencapai *outcome* berkenaan, salah satu program nasional yang dikenal pasti ialah Program Pembasmian Kemiskinan. Antara kementerian utama bagi melaksanakan program ini ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Rajah 1 di bawah juga menunjukkan contoh program dan projek yang telah dikenal pasti oleh kementerian berkenaan mengikut fungsi masing-masing.

Rajah 1
Contoh Hubungkait Teras Misi Nasional, KRA, Outcome, Program dan Projek



Penyediaan Program dan Projek di bawah Pelan Pelaburan Sektor Awam, 2011-2012

13. Pendekatan berasaskan *outcome* memerlukan kaedah penyediaan program dan projek yang berbeza daripada amalan sedia ada. Sehubungan ini, bagi membantu kementerian dan agensi merancang projek yang menyumbang kepada pencapaian *outcome* dan memberi *value for money*, beberapa garis panduan khusus telah disediakan dan perlu dipatuhi. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009: **Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Program dan Projek Pembangunan** - memberi panduan kepada kementerian dan agensi menggunakan kaedah perancangan dan penyediaan program dan projek melalui *Logical Framework Approach* dan *Project Cycle Management* agar program dan projek yang dirangka dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* yang disasarkan;

- ii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2 Tahun 2009: **Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak, Perancangan Bangunan dan Keperluan Peralatan** - memberi penjelasan tentang kriteria dalam pemilihan tapak bagi sesuatu projek fizikal, piawaian umum dalam perancangan dan reka bentuk bangunan Kerajaan serta merancang keperluan peralatan dan kelengkapan agar dapat memberi *value for money* tanpa menjejaskan fungsi yang telah ditetapkan;
- iii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009: **Garis Panduan Pengurusan Nilai** - memperkenalkan kaedah pengurusan nilai (*value management*) dalam perancangan dan pelaksanaan projek dari segi skop projek, reka bentuk, kos, sumber, alam sekitar, keselamatan dan sebagainya;
- iv. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008: **Pelaksanaan Industrialised Building System (IBS) dalam Projek Kerajaan** - untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti penggunaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepat tempoh pembinaan serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; dan
- v. Pekeliling Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009: **Garis Panduan Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership - PPP)** - memberi penjelasan mengenai rangka konsep PPP, prinsip pembayaran, kriteria penilaian projek, struktur pelaksanaan projek, prosedur pemprosesan dan pelaksanaan serta panduan penyediaan cadangan projek.

14. Kesemua Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) boleh dicapai melalui <http://www.epu.gov.my>. Pekeliling Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri boleh dicapai melalui <http://www.3pu.gov.my>. Surat Pekeliling Perbendaharaan pula boleh dicapai melalui <http://www.treasury.gov.my>.

15. Selain daripada garis panduan di atas, kementerian perlu juga mengambil kira aspek kemampanan yang memberi penekanan kepada alam sekitar di dalam perancangan dan penyediaan program dan projek pembangunan. Dalam hal ini, instrumen perancangan alam sekitar seperti *Environmental Impact Assessment (EIA)* dan *Strategic Environmental Assessment (SEA)* perlu digunakan secara meluas. Penekanan ke atas pembangunan mampan yang meliputi kualiti alam sekitar, sosial dan ekonomi adalah penting bagi meminimumkan impak negatif ke atas kualiti hidup.

16. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai *Government Chief Information Office* akan memastikan perancangan dan pelaksanaan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat menyumbang kepada keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan sektor awam serta memastikan keserasian sistem antara agensi. Sehubungan ini, semua cadangan projek ICT yang dikemukakan kepada UPE, JPM akan diperaku terlebih dahulu oleh MAMPU sebelum dipertimbang oleh UPE, JPM.

17. Kerajaan telah membina kemudahan kuarters dan turut menyediakan pelbagai kemudahan untuk membantu pegawai sektor awam menyewa atau memiliki rumah sendiri. Di samping itu, kewujudan banyak perumahan yang dibina oleh pemaju swasta memberi pegawai sektor awam pelbagai alternatif perumahan. Ini menyebabkan banyak kuarters Kerajaan tidak diduduki. Oleh itu, di bawah RMKe-10, Kerajaan tidak lagi menggalakkan pembinaan kuarters baru kecuali bagi perkhidmatan dan keadaan tertentu sahaja. Sehubungan ini, permohonan untuk membina kuarters yang dikemukakan kepada UPE, JPM akan dinilai terlebih dahulu oleh agensi yang bertanggungjawab ke atas kuarters Kerajaan, iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

18. Dalam merangka projek baru RMKe-10, kementerian dan kerajaan negeri perlu membuat perancangan secara komprehensif dan mengambil kira pandangan *stakeholders*. Sehubungan ini, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. kementerian hendaklah berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing untuk menyediakan program dan projek;
- ii. bagi projek fizikal, perancangan kementerian hendaklah selaras dengan:
 - a. **Rancangan Fizikal Negara** yang merumuskan dasar strategik pemajuan fizikal negara serta menterjemah objektif pembangunan negara dalam bentuk spatial agar penggunaan tanah dan sumber asli dioptimumkan untuk mencapai pembangunan mampan. Rancangan Fizikal Negara boleh dicapai melalui laman web Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu <http://www.townplan.gov.my>; dan
 - b. **Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan** yang merumuskan cadangan berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah serta menggariskan hala tuju pembangunan sesebuah negeri, daerah dan kerajaan tempatan yang boleh diperolehi daripada pihak berkuasa perancang negeri dan daerah.
- iii. kerajaan negeri hendaklah mengemukakan kepada kementerian cadangan projek yang menjadi keutamaan setiap negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Pembangunan Negeri untuk dipertimbang;
- iv. kementerian perlu mengadakan perbincangan dengan **Jawatankuasa Perancang Negeri** atau **Majlis Tindakan Persekutuan di Peringkat Negeri** untuk memastikan kementerian mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri; dan
- v. semua projek fizikal perlu diteliti oleh **Unit Teknikal** di kementerian atau **Jabatan Teknikal** bagi kementerian yang tidak mempunyai Unit Teknikal sebelum dikemukakan kepada UPE, JPM.

19. Di bawah RMKe-10, keupayaan Kerajaan untuk membiayai projek pembangunan adalah terhad. Siling peruntukan untuk dua tahun pertama Rancangan, 2011-2012, dianggar sebanyak RM75 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk membiayai

projek di bawah KRA Nasional dan projek RMKe-9 yang disambung pelaksanaannya dalam RMKe-10. Justeru, memandangkan siling peruntukan untuk membiayai projek baru dalam tempoh ini adalah terhad, cadangan projek baru yang dikemukakan hendaklah mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang disasar.

20. Bagi membiayai projek pembangunan, terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan selain daripada peruntukan pembangunan Kerajaan. Antara alternatif pembiayaan lain adalah melalui pendekatan Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership* - PPP) merangkumi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang mula diperkenalkan di bawah RMKe-9. Pendekatan PPP merupakan satu lagi kaedah perolehan Kerajaan yang berasaskan kepada prinsip kemudahan awam dibina, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta tanpa sokongan dan sumbangan kewangan oleh Kerajaan. Mengikut kaedah ini, implikasi kewangan kepada Kerajaan adalah dalam bentuk bayaran sewa atau bayaran perkhidmatan sepanjang tempoh konsesi. Tindakan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Projek yang dicadang dibiayai melalui pendekatan PPP hendaklah menepati pernyataan keperluan (*statement of needs*) kementerian serta keutamaan Kerajaan.

21. Beberapa badan berkanun telah dikenal pasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab mereka. Bagi tempoh RMKe-10, badan berkanun yang mempunyai sumber kumpulan wang rezab yang besar hendaklah membiayai sebanyak mungkin projek pembangunan masing-masing dengan menggunakan wang rezab mereka. Dalam mempertimbang permohonan projek, kedudukan semasa wang rezab badan berkanun berkaitan akan diambil kira.

22. Bagi tempoh 2011-2012, kementerian perlu memberi keutamaan kepada projek di bawah enam KRA Nasional. Hanya projek yang telah sedia untuk dilaksana, iaitu telah mempunyai tapak atau reka bentuk atau kajian kemungkinan telah dijalankan akan diberi peruntukan sepenuhnya. Bagi projek yang masih belum sedia untuk dilaksana, kementerian boleh memohon peruntukan untuk perolehan tanah dan kerja awalan. Selaras dengan hasrat untuk mendapat *value for money* bagi projek pembangunan yang dilaksanakan, keutamaan juga akan diberi kepada cadangan projek yang mengamalkan perancangan bersepadu, iaitu mengambil kira pembangunan setempat yang sedia ada atau yang dirancang untuk dibangunkan oleh agensi lain.

Kaedah Mengemukakan Permohonan Program dan Projek

23. Semua permohonan program dan projek hendaklah dikemukakan secara *online* melalui Sistem Pemantauan Projek (SPP) II. Bagi tujuan ini, modul e-Permohonan RMKe-10 telah dibangunkan. Dalam modul ini, hubungkait antara teras Misi Nasional, KRA, *outcome* dan program nasional RMKe-10 telah dibentuk bagi memudahkan kementerian mengisi dan melengkapkan permohonan.

24. Bagi menyokong setiap cadangan projek baru, kementerian diminta menyediakan Matriks Kerangka Logik (*Logical Framework Matrix*) mengikut format seperti di **Lampiran 2** dan contoh seperti di **Lampiran 3**. Matriks tersebut perlu dilampirkan dalam SPP II. Bagi projek RMKe-9 yang akan disambung ke RMKe-10, kementerian masih perlu mengemukakan permohonan projek tersebut secara *online* dalam SPP II. Kementerian perlu sentiasa mengemas kini semua maklumat projek dalam SPP II memandangkan maklumat tersebut akan digunakan untuk menentukan status terkini projek berkenaan. Penjelasan

mengenai maklumat yang perlu diisi dalam setiap medan adalah seperti di **Lampiran 4**. Latihan khusus berhubung dengan kaedah pengisian maklumat projek dalam SPP II akan diadakan pada bulan Januari 2010.

Tarikh Mengemukakan Cadangan Program dan Projek

25. Tarikh untuk kementerian mengemukakan cadangan program dan projek kepada UPE, JPM melalui SPP II adalah **sebelum 26 Februari 2010**.

Pegawai Perhubungan

26. UPE, JPM akan menyelaraskan permohonan program dan projek melalui pegawai perhubungan yang telah dilantik oleh kementerian dan UPEN atau Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Pertanyaan Berhubung Garis Panduan

27. Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan ini boleh diajukan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok B6
62502 PUTRAJAYA
(U.P. : Pengarah Bajet Pembangunan)

Tel : 03 887 25446/ 25971/ 25451

Faks : 03 8888 3768

E-mel : zaidah@epu.gov.my atau rmk10@epu.gov.my

28. Semua kementerian dan kerajaan negeri diminta memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan proses penyediaan RMKe-10 berjalan lancar. Kerjasama padu daripada semua pihak akan membantu ke arah mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)
Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengerusi
Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

17 November 2009

29 Zulkaedah 1430